

SET 6

Soalan 1 - 17

1 Dermawan itu sering membantu mereka yang _____ berjiran dengannya.


- A kaya
 - B kuat
 - C malas
 - D miskin
-

2 Sarimah _____ lagi memakai kasut yang bertumit tinggi ke tempat kerja kerana dia sedang mengandung.

- A untuk
 - B bukan
 - C tidak
-

3 "Betul _____ Hassan yang menegur awak tadi, Sham?" tanya Zamani.

- A tah
 - B pun
 - C kah
-



4 Ibu _____ kepulangan ayah di muka tangga.


- A menemui
 - B merenung
 - C menghayati
 - D menyambut
-

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.


5 _____ hendak memberitahu cikgu bahawa Mohammad Firdaus tidak hadir ke sekolah. _____ sakit kuat.

- A Aku ... Dia
 - B Saya ... Dia
 - C Kami ... Mereka
 - D Engkau ... Kalian
-

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai berdasarkan gambar di bawah.



- 6 Majlis perkahwinan abang berlangsung _____ pukul 12.00 tengah hari hingga _____ pukul 6.00 petang.
- A dari ... kepada
 - B daripada ... ke
 - C dari ... ke
 - D daripada ... kepada
-
- 7 "Biar _____ yang menyelesaikan masalah serangan lanun itu," kata Panglima Ali kepada Sultan Melaka.
- A aku
 - B beta
 - C saya
 - D patik
-
- 8 Pembalok haram telah menjalankan kerja-kerja mereka secara rahsia. _____, bertujuan mengelakkan kegiatan mereka dikesan oleh pihak berkuasa.
- A Lantaran itu
 - B Kalau begitu
 - C Hal ini demikian
 - D Walau bagaimanapun



Gambar 1

- 9 _____, janganlah berebut-rebut, nanti tumpah makanan itu!
- A Heh
 - B Oh
 - C Nah
 - D Wah
-



Gambar 2

- 10 _____ yang jelita itu sedang memperagakan fesyen terbaru keluaran Butik Shima.
- A Pramugari
 - B Mahasiswi
 - C Peragawati
-
- 11 _____ penduduk Kampung Penambang telah menderma kepada mangsa kebakaran itu.
- A Setiap
 - B Setengah
 - C Masing-masing
-
- 12 "Murid-murid, _____ "pasang telinga" masing-masing dan fahami apa yang akan saya perkatakan," kata Cikgu Maimunah.
- A jangan
 - B jemput
 - C usah
 - D harap
-
- 13 _____ lagi Azlin telah menarik diri dari menyertai pertandingan bercerita yang akan diadakan pada minggu hadapan.
- A Awal-awal
 - B Rasa-rasa
 - C Bila-bila
-
- 14 Kapten Sazali _____ terkorban dalam nahas pesawat yang terhempas semalam.
- A sedang
 - B pernah
 - C boleh
 - D telah
-
- 15 Hari ini Lily memang _____ kerana telah berjaya dalam temuduga itu.
- A tangan terbuka
 - B langkah kanan
 - C baik sangka
 - D ada bakat
-
- 16 Pada hari Jumaat yang lalu, kami pergi _____ di Pantai Irama untuk melapangkan fikiran.

- A makan hati
- B makan besar
- C makan angin
- D makan garam

Isi tempat kosong dengan jawapan yang **paling sesuai**.

- 17 Tiga _____ kenderaan terlibat dalam kemalangan di atas se_____ jambatan.
- A biji ... buah
 - B buah ... buah
 - C biji ... batang
 - D buah ... batang

Pilih perkataan **berlawan** bagi perkataan yang **bergaris**.


- 18 Hubungan antara dua orang sahabat itu semakin erat selepas kemalangan itu.
- A pudar
 - B tawar
 - C hambar
 - D longgar

Pilih perkataan **seerti** bagi perkataan yang **bergaris**.

- 19 Sonita merupakan seorang murid yang sombong dan kedekut.
- A jahat
 - B lokek
 - C bengis
 - D bongkak

Soalan 20 - 22


Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan bergaris dengan betul**.



Gambar 3

- 20 Rosnah menjadi mabuk darah apabila terlihat satu kemalangan ngeri.
- II. Ravi terkenal di kampungnya sebagai seorang mabuk.
 - III. Rosli dan Anita sedang mabuk cinta.
 - IV. Arak merupakan minuman yang mabuk.

- A I dan II sahaja
- B I dan III sahaja
- C I, II dan IV sahaja
- D I, II dan IV sahaja



Gambar 4

21 Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.

- I. Asal mula permainan wayang kulit dari Tanah Jawa.
- II. Perlawanan catur diadakan mula hari Ahad ini.
- III. Bayaran mula untuk perabot ini ialah seratus ringgit.
- IV. Dia mula datang ke sini selepas kejadian minggu lepas.

- A I, II dan III sahaja
- B I, II dan IV sahaja
- C I, III dan IV sahaja
- D II, III dan IV sahaja

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.

22 Lelaki yang disyaki merompak bank itu tahan polis.

- II. Mira tidak tahan tinggal serumah dengan Lin.
- III. Nenek berpayung kerana dia tidak tahan panas.
- IV. Bekalan air mereka tahan untuk seminggu sahaja.


- A I dan II sahaja
- B II dan III sahaja
- C I, III, dan IV sahaja
- D II, III, dan IV sahaja

Pilih jawapan yang paling sesuai kepada soalan yang bergaris.

23 Bagaimanakah penjahat itu dapat melepaskan diri?

- A Dia melepaskan diri pada awal pagi tadi.
- B Dia berjaya membuka tali yang mengikat tangan dan kakinya.
- C Dia melepaskan diri dari bilik lokap balai polis itu.
- D Penjahat yang cuba melepaskan diri telah berjaya ditangkap semula.

Pilih soalan yang paling sesuai kepada jawapan yang bergaris.



Gambar 5

24 Bunga kebangsaan Malaysia ialah bunga raya.

- A Apakah warna bunga raya?
 - B Di manakah terdapat bunga raya?
 - C Apakah bunga kebangsaan Malaysia?
 - D Adakah bunga raya bunga kebangsaan Malaysia?
-

Soalan 25 - 26

Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang bergaris.

25 Nadia, murid tahun 4 sekolah saya adalah juara pertandingan nyanyian pada tahun ini.

- A Juara pertandingan nyanyian tahun ini ialah murid tahun 4 sekolah saya yang bernama Nadia.
 - B Nadia adalah murid dari Tahun 4 sekolah saya. Dia telah menang pertandingan nyanyian.
 - C Pertandingan nyanyian itu telah dimenangi oleh Nadia dari sekolah saya tahun ini.
 - D Murid Tahun 4 sekolah saya ialah juara pertandingan nyanyian ini.
-

26 Suraya akan mengikut bapanya pergi melancong ke Pulau Bali minggu hadapan

- A Pada minggu hadapan Suraya akan mengikut bapanya melancong ke Pulau Bali.
 - B Pada minggu hadapan Suraya dan bapanya akan melancong ke Pulau Bali.
 - C Suraya akan mengikut bapanya melancong pada minggu hadapan.
 - D Pada minggu hadapan Suraya mengikut bapanya ke Pulau Bali.
-

Soalan 27 - 30

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 27 Setelah kapalaku terhantuk ke batu, aku tidak sedarkan diri.
- II. Berita untuk kejadian itu telah disebarkan dengan meluas.
 - III. Pak Teh dibuatkan secawan kopi oleh Mak Teh.
 - IV. Pak Kadok berbajukan kertas.

- A I, II dan III sahaja
 - B I, III dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV
-

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 28** Guru Besar menerima berbagai hadiah sempena hari persaraannya.
- II. Semua para jemputan dijemput menjamu selera.
 - III. Apakah yang awak letakkan di dalam almari ini?
 - IV. Ah Meng berkabung kerana baru kematian datuknya.

- A I dan II sahaja
 - B II dan III sahaja
 - C III dan IV sahaja
 - D I, III dan IV sahaja
-

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 29** Cikgu Yaman memasukkan bola itu dalam kotak.
- II. Siapa nama adik perempuan kamu itu?
 - III. Novel yang kaubaca itu kepunyaan Hafiz.
 - IV. Puan Aini akan ke Kuala Lumpur untuk melawat anaknya.

- A I dan III sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II dan III sahaja
 - D I, II dan IV sahaja
-

30 *Pilih ayat yang betul.*

- Golongan fakir memerlu bantuan.
- II. Pada waktu petang saya bermain bola.
 - III. Zaim berdiri lalu menjawab soalan itu.
 - IV. Swee Tin lalu jalan itu supaya cepat sampai.

- A I dan II sahaja
 - B I dan IV sahaja
 - C II dan III sahaja
 - D III dan IV sahaja
-

Soalan 31 - 35

Baca petikan di bawah dan kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Sabtu 22 Julai 2004.

8.30 pagi.

Saya tiba di tapak Pesta Pembangunan Terengganu Darul Iman. Suasana sungguh meriah dengan pengunjung-pengunjung, walaupun masa masih lagi awal. Saya dan kakak berjalan-jalan untuk melihat gerai-gerai pameran.

9.30 pagi.

Saya dan kakak melihat pelbagai pameran daripada jabatan kerajaan dan swasta. Setiap gerai mempamerkan kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh jabatan masing-masing. Pegawai-pegawai yang bertugas turut memberikan penerangan kepada orang ramai.

10.30 pagi.

Saya dan kakak mengunjungi gerai pameran oleh Jabatan Kesihatan. Mereka mempamerkan data-data kelahiran dan kematian bayi, carta makanan seimbang untuk kesihatan badan, dan persekitaran yang bersih.

11.00 pagi.

Saya dan kakak beralih ke gerai pameran oleh pasukan polis dan tentera. Di sini saya dapat melihat pelbagai jenis senjata yang digunakan oleh pasukan polis dan tentera. Mereka juga mempamerkan model-model khemah, jambatan gantung, kenderaan polis, dan tentera serta kubu. Pihak polis juga turut memberi penerangan tentang keselamatan di jalan raya dan bahaya penagihan dadah.

12.30 tengah hari.

Sebelum pulang, saya dan kakak sempat mengunjungi gerai pameran oleh Jabatan Pertanian. Di sini, saya dapat melihat jentera-jentera pertanian, baja-baja kimia dan produk-produk pertanian. Saya amat gembira kerana berpeluang mengunjungi pesta pembangunan pada tahun ini yang banyak memberi pengetahuan baru kepada saya.

31 Ke manakah penulis dan kakaknya pergi pada pagi Sabtu?

- A Melawat Pesta Pembangunan
- B Melawat Pesta Pameran Pertanian
- C Mengunjungi Pesta Pembangunan Kerajaan dan Swasta
- D Mengunjungi Pesta Pembangunan Terangganu Darul Iman

32 Apakah yang dipamerkan di pesta itu?

- A Pelbagai hasil pertanian
- B Pameran hasil kerja tangan
- C Pameran carta dan makanan berkhasiat
- D Pelbagai aktiviti yang dilaksanakan oleh jabatan-jabatan

33 Gerai pameran yang tidak dikunjungi oleh penulis dan kakaknya ialah gerai pameran oleh

- A pasukan Polis dan Tentera
- B Jabatan Kerajaan
- C Jabatan Pertanian
- D Jabatan Kesihatan

34 Jabatan Kesihatan **tidak** mempamerkan...

- A data-data kelahiran dan kematian bayi.
- B carta pencegahan penyakit kronik.
- C persekitaran yang bersih.
- D carta makanan seimbang.


35 Penulis dan kakaknya berada di tapak pesta selama...

- A 3 jam.

- B 4 jam.
- C 4 jam 30 minit.
- D 5 jam 30 minit.

Soalan 36 - 40

Teliti peta di bawah dan kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.



- 36 Pekerjaan yang sesuai dengan penduduk di sini ialah _____
- A pengusaha hotel dan calet.
 - B pengusaha hotel, pekerja kilang dan peniaga.
 - C peniaga, pekerja ladang kelapa dan pekerja kilang.
 - D nelayan, pekerja ladang dan pekerja hotel serta calet.
-
- 37 Apakah fungsi jeti?
- A Tempat kapal atau bot singgah
 - B Pintu masuk ke kawasan ini
 - C Untuk kemudahan pelancong
 - D Untuk membawa hasil tempatan keluar
-
- 38 Maryam berusia 12 tahun. Apakah yang **tidak** dijumpainya kalau dia berjalan kaki ke sekolah?
- A Masjid
 - B Hospital
 - C Balai polis
 - D Perhentian bas
-
- 39 Apakah pendapat anda tentang Kampung Simpang Tiga?
- A Boleh pergi ke Pekan Tanjung
 - B Mendapat nama daripada tiga persimpangan
 - C Kampung Simpang Tiga terletak di tepi Jalan Tanjung
 - D Sebuah kampung yang berpotensi untuk maju kerana terdapat pelbagai kegiatan ekonomi
-
- 40 Jejantas yang dibina di Jalan Pantai bertujuan untuk memberikan kemudahan kepada _____
- A orang ramai.

B pejalan kaki.

C murid-murid sekolah melintas.

D pekerja hotel dan guru-guru sekolah.